



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2006

**PELANTIKAN SYARIKAT BAGI KEMUDAHAN PERLINDUNGAN
INSURANS KESIHATAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN
AWAM YANG BERADA DI LUAR NEGARA
ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan berhubung dengan pelantikan syarikat penanggung insurans kesihatan bagi kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian.

PELANTIKAN SYARIKAT

2. Kerajaan telah bersetuju untuk melantik syarikat **Commerce Assurance Berhad** sebagai syarikat penanggung insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian. Sehubungan dengan itu, **Lampiran C** di perenggan 8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2004 hendaklah merujuk kepada perenggan seperti berikut:

“Kerajaan telah melantik syarikat **Commerce Assurance Berhad** sebagai syarikat penanggung insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian untuk tempoh tiga (3) tahun mulai **24 Julai 2006 hingga 23 Julai 2009**. Skim perlindungan yang digunakan adalah **Skim TravelSAFE** dengan Pelan Platinum. Pembelian yang dibuat dalam tempoh tersebut untuk insurans kesihatan berkaitan hendaklah dibuat dengan syarikat ini. Sebarang pertanyaan berkaitan skim perlindungan ini bolehlah dikemukakan kepada syarikat tersebut seperti alamat di bawah:

COMMERCE ASSURANCE BERHAD
SUITE 3A-15, LEVEL 15, BLOK 3A
PLAZA SENTRAL
JALAN STESEN SENTRAL 5
KUALA LUMPUR SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR

TELEFON : 03-2264 0400 / 03-2264 0700
 03-2264 0634 / 03-2264 0662
FAKS : 03-2264 0602

TARIKH KUAT KUASA

3. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai **24 Julai 2006**.


PEMAKAIAN

4. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

5. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2005 dan surat jabatan ini bilangan JPA(S)187/20Klt.5(10) bertarikh 22 Mei 2006 adalah **dibatalkan**.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK AB. KHALIL BIN AB. HAMID)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan),
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

5 Julai 2006

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan